

88142289



International Baccalaureate®  
Baccalauréat International  
Bachillerato Internacional

**MALAY B – STANDARD LEVEL – PAPER 1**  
**MALAIS B – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1**  
**MALAYO B – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1**

Wednesday 12 November 2014 (morning)  
Mercredi 12 novembre 2014 (matin)  
Miércoles 12 de noviembre de 2014 (mañana)

1 h 30 m

---

**TEXT BOOKLET – INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for paper 1.
- Answer the questions in the question and answer booklet provided.

**LIVRET DE TEXTES – INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS**


- N'ouvrez pas ce livret avant d'y être autorisé(e).
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l'épreuve 1.
- Répondez à toutes les questions dans le livret de questions et réponses fourni.

**CUADERNO DE TEXTOS – INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS**

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos para la prueba 1.
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.

**TEKS A****Sepanjang Jalan Kenangan**

- ❶ Ada beberapa buah daerah di Singapura yang amat Sri sayangi. Sri berharap agar jika ada pun perubahan di situ, janganlah sampai menjelaskan imejnya yang unik. Tempat yang dimaksudkan itu bukanlah daerah Orchard Road. Bagi Sri, banyak tempat di dunia ini boleh mengingatkan Sri pada Orchard, baik dari segi reka bentuk bangunan, perniagaan mahupun hiburan. Daerah Orchard bukan tempat kenangan, tetapi tempat untuk membeli-belah, makan-makan dan berhibur. Hati Sri tidak langsung terpaut padanya. Tetapi jika anda bercakap tentang Geylang Serai, Katong, Kaki Bukit dan Kampung Jawa, lain pula perasaan Sri. Ada sesuatu yang unik di tempat-tempat ini.
- ❷ Daerah Kampung Jawa memang istimewa dalam peta sejarah Singapura. Tempat ini menjadi tempat perniagaan barang-barang berharga seperti perniagaan emas, tembaga, berlian dan barang-barang kegunaan harian seperti pakaian, makanan, minyak wangi, dan peralatan perkahwinan. Terdapatnya Masjid Sultan dan Istana Kampung Gelam mengukuhkan lagi kedudukan daerah ini bagi masyarakat Melayu.
- ❸ Dalam dunia penerbitan, di sinilah juga berkembangnya penerbitan bahan bacaan Melayu dari abad ke-19 hingga ke-20. Sri teringat akan zaman kanak-kanak dan remaja. Sri sering dibawa oleh nenek Sri ke daerah ini. Sri lihat ada juga kedai-kedai kecil di tepi jalan yang menjual buku dan majalah. Nenek memang pernah tinggal lama di situ. Nenek juga mempunyai ramai sahabat dan saudara di sana. Setelah berpindah, nenek akan selalu ke rumah sahabatnya, selain menjenguk pak cik Sri yang mempunyai perniagaan barang-barang elektronik. Apa yang Sri tidak dapat lupa ialah melalui rumah-rumah berek dua tingkat, dan di sana sini terdapat peniaga Melayu. Ada juga yang sedang menggiling cili dan menumis rempah. Bau makanan yang begitu harum sering membuat Sri kelaparan!
- ❹ Kini, apabila Sri ke Kampung Jawa, sebahagian daripada kenangan ini telah ditelan zaman. Namun, Sri tetap gemar mengunjungi daerah ini. Terdapat kedai-kedai makanan Islam yang sedap-sedap; selain itu masih terdapat peniaga-peniaga Melayu yang menjual pelbagai barang dan menawarkan bermacam-macam perkhidmatan. Itulah daya tarikan di daerah ini kepada Sri. Tempat ini mengingatkan kita kepada Singapura pada suatu zaman dengan peniaga-peniaganya yang ramah, sopan dan mesra. Ini mungkin kerana kehidupan ketika itu kurang tergesa-gesa dan gaya hidup yang lebih santai.



Di ubah suai daripada Rasiah Halil, *Hikayat Sri Anggerik*, Pustaka Nasional (2007)

**TEKS B**

## Pentingnya menjaga warisan alam

❶ Jika kita dengarkan kembali lagu *Hijau* dendangan Zainal Abidin yang pernah hangat satu ketika dulu, pasti kita sedar akan mesej yang cuba disampaikan tentang betapa rapatnya alam sekitar dengan manusia. Lirik lagunya memberikan isyarat kepada kita untuk berfikir dan bertindak wajar terhadap alam sekitar kita.

5      ❷ Jika kita terus mengamalkan sikap negatif dalam menjaga alam sekitar, kita sendiri akan menerima padahnya. Buktinya, perubahan cuaca yang tidak menentu, kesan rumah hijau, kenaikan suhu global, pencemaran udara dan air adalah antara kesan buruk yang terpaksa kita tanggung kerana kelalaian kita dalam menjaga alam sekitar.

10     ❸ Banyak pihak berpendapat bahawa cara terbaik untuk memelihara alam sekitar adalah dengan memberikan pendidikan awal kepada kanak-kanak. Kanak-kanak tidaklah terlalu kecil untuk memahami keperluan menjaga alam sekitar.

15     ❹ Banyak inisiatif yang boleh diamalkan oleh ibu bapa dalam kehidupan sehari-hari di rumah. Sebagai memberikan kesedaran dan pendidikan awal tentang penjagaan alam sekitar, ibu bapa boleh membelikan atau membawa anak-anak ke perpustakaan untuk membaca bahan-bahan yang berkaitan. Secara umumnya, melalui bahan-bahan pembacaan seperti ini, anak-anak akan dapat mengetahui konsep penjagaan alam sekitar, iaitu kurangkan, gunakan semula dan kitar semula.

20     ❺ Anak-anak perlu diberitahu tentang fakta-fakta yang bersifat realistik tentang alam sekitar. Misalnya, beratus-ratus pokok dapat diselamatkan daripada ditebang jika kertas-kertas terpakai dikitar semula. Begitu juga tentang kitar semula bahan buangan yang mampu menjimatkan kos pembuangan sampah. Mereka juga perlu diajar tentang bagaimana menjimat penggunaan air dan elektrik. Suis elektrik dan lampu perlu dimatikan jika tidak digunakan lagi. Satu lagi contoh penjimatatan ialah menggunakan semula air cucian beras untuk menyiram tanam-tanaman.

25     ❻ Majalah-majalah atau surat khabar lama boleh digunakan semula dengan cara mengumpulkan artikel-artikel tertentu untuk dijadikan buku skrap atau ensiklopedia peribadi tentang topik yang menjadi minat mereka. Pakaian lama boleh dibuat kraf tangan seperti beg, selimut atau alas meja. Tin atau botol plastik pula boleh diubah suai menjadi tabung atau bekas alat tulis. Mereka juga boleh digalakkan untuk menyertai program yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar. Misalnya menyertai program membersihkan kawasan kejiraninan, menyertai ceramah atau kempen penjagaan alam sekitar dan sebagainya.



Ibu bapa berperanan mendekatkan anak-anak dengan alam sekitar

Di ubah suai daripada Khairunneezam Mohd Noor, <http://www.utusan.com.my> (2010)

**TEKS C****Perasmian Minggu Penulisan**

- ❶ Yang dihormati, tuan pengurus majlis dan para hadirin sekalian. Selamat pagi dan salam sejahtera kepada semua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak pengajur kerana berjaya mengadakan Minggu Penulisan ini. Saya amat gembira diundang sebagai tetamu terhormat untuk merasmikan majlis ini.
- 5   ❷ Hadirin sekalian,  
Sejak beberapa dekad ini, negara kita telah berjaya melahirkan ribuan penulis dan pengkarya yang aktif dalam bidang pendidikan, ekonomi, teknologi, dan sebagainya. Hasil kegiatan penulisan yang berkembang ini telah menggalakkan kemunculan bahan-bahan tercetak seperti akhbar, majalah, dan buku. Bahan-bahan tersebut menyediakan ruang untuk penulis menyatakan pendapat, hasil minda kreatif dan semangat untuk berkongsi ilmu dengan masyarakat.
- 10   ❸ Media cetak berfungsi untuk menyampaikan berita dan maklumat terkini dari dalam dan luar negara kepada rakyat. Penyebaran berita melalui media cetak memang berkesan dalam melahirkan masyarakat yang bermaklumat dan penting untuk membangunkan dan memajukan negara. Selain itu, penyebaran budaya, dan adat resam kaum-kaum utama dalam negara dapat membantu persefahaman. Rakyat dapat memahami perbezaan antara kaum. Semua ini memerlukan penulisan yang dapat menyampaikan idea dengan mudah dan berkesan agar dapat difahami dan dihayati oleh segenap masyarakat.
- 15   ❹ Media cetak juga diperlukan untuk menerangkan dasar pemerintah. Rakyat akan lebih memahami matlamat pemerintah untuk membaiki kehidupan rakyat. Cerita tentang kejayaan pemerintah yang disampaikan akan mengukuhkan kepercayaan rakyat terhadap pemerintah tersebut.
- 20   ❺ Hadirin yang dihormati,  
Biarpun kini media cetak [- X -] bersaing dengan pelbagai media massa yang lain seperti televisyen, radio, dan Internet, namun [- 24 -] media ini tidak dapat dinafikan sama sekali. Walaupun Internet sudah lebih [- 25 -] kaedah ini hanya dapat dinikmati oleh penggunanya yang mengetahui [- 26 -] mendapatkan informasi. Oleh itu, cara yang mudah ialah memperoleh maklumat [- 27 -] media cetak.
- 25   ❻ Sesungguhnya hasil penulisan ini amat penting dan luas. Media cetak dapat menimbulkan pelbagai kesan yang positif mahupun negatif. Sama ada negara itu maju atau sebaliknya atau sesebuah masyarakat boleh bersatu atau berpecah turut dipengaruhi oleh penulisan. Oleh itu, saya berharap agar golongan penulis sekalian dapat menghasilkan karya yang dapat memberikan faedah kepada masyarakat dan negara. Jangan sekali-kali menyalahgunakan bakat dan kebolehan anda untuk perkara yang sia-sia.
- 30   ❼ Moga-moga ucapan ini dapat dijadikan panduan. Dengan ini saya merasmikan Minggu Penulisan ini. Sekian, terima kasih.

Di ubah suai daripada *Karangan* oleh Pengarang Buku Teks Bahasa Malaysia, KBSM (2011)

**TEKS D**

## Remaja Inovatif

- ❶ Ingin bertemu dengan dua remaja inovatif dan berbakat ini? Lungsurilah lelaman web [www.remajainovatif.com](http://www.remajainovatif.com) untuk maklumat lanjut.

**❷ Sarah Abdul Halim**

Umur: 16 tahun

Pencapaian Terkini: Juara Anugerah Saintis Muda

Projek: Kesan telefon bimbit kepada alat penggerak jantung

- ❸ Sarah gemar bermain bola keranjang. Dia berasa bahawa tubuh manusia merupakan satu ciptaan yang kompleks. Cita-citanya menjadi seorang penyelidik. Guru Sains Sarah mengatakan bahawa Sarah suka bertanya dan sentiasa menunjukkan semangat dan minat dalam pelajarannya.

- ❹ Sarah membuktikan bahawa telefon bimbit membawa kesan kepada alat penggerak jantung. Kajian dijalankan dengan sebuah hospital tempatan. Melalui kajian ini, Sarah mendapat idea untuk menjalankan eksperimen ini apabila ayahnya membawa pulang telefon bimbit untuk diuji. Setiap kali ayahnya menguji telefon, Sarah mendapati kadar degapan jantung ibunya yang menggunakan alat penggerak jantung menjadi pantas. Sejak itu, alat penggerak jantung diperbaik agar tidak dapat dipengaruhi oleh sebarang alat elektronik.

**❺ Farhan Syeikh Omar**

Umur: 17 tahun

Pencapaian Terkini: Juara Anugerah Pengusaha Muda

Pemilik "Sangkar Emas"

- ❻ Farhan pemain klarinet dalam pancaragam sekolah. Beliau juga boleh bermain piano, gemar membaca dan bermain permainan komputer. Menurut bapanya, Farhan mempunyai bakat dalam bidang seni dan suka meneroka, mencuba sesuatu yang baharu dan berani menghadapi cabaran.

- ❼ Farhan gemar membina sangkar burung. Dia mula menerima tempahan sangkar burung setelah rakan-rakan niaga bapanya dari luar negara memuji keindahan sangkar yang dibina. Sejak itu, Farhan menerima banyak tempahan dan akhirnya dia membuka sebuah kedai menjual sangkar burung sebagai perhiasan. Selain itu dia juga menggunakan Internet untuk menjual sangkar itu ke luar negara. Cita-citanya menjadi seorang pengusaha tercapai kerana dia tidak mahu mengaku kalah.

Di ubah suai daripada Jendela Bahasa, Kursus Ekspres, Buku 4A/5A,  
Kementerian Pendidikan Singapura (2005)